

## **BAHAGIAN I**

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

## **BAHAGIAN II**

ANALISIS PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN

## **BAHAGIAN III**

FOKUS UTAMA AUDIT (KEY AUDIT AREA)

### **Perkara Utama**

#### **Apa yang diaudit?**

- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan dilaksanakan selaras dengan Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Perenggan 5(1)(b) dan (c) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] yang menghendaki Ketua Audit Negara memeriksa, menyiasat dan mengaudit kumpulan wang berasingan yang ditubuhkan di Wilayah Persekutuan, akaun pihak berkuasa awam atau badan yang diperuntukkan oleh undang-undang.
- Pengauditan pada tahun 2023 ini meliputi pengesahan terhadap 144 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan tahun 2022 yang terdiri daripada 134 Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan serta 10 Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persekutuan.

#### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Agensi Persekutuan adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkenaan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Pengauditan ini telah dilaksanakan berdasarkan piawaian pengauditan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan.

**Apa yang  
ditemui  
Audit?**

**BAHAGIAN I:  
Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi  
Tahun Berakhir 31 Disember 2022**

Penemuan Audit setakat 11 Januari 2024 adalah seperti berikut:

- 140 daripada 144 Agensi Persekutuan telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2022 kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit dan disahkan.
- Empat Agensi Persekutuan masih belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2022.
- 130 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan telah selesai diaudit dan dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara, terdiri daripada:
  - 116 penyata kewangan diberi Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion); dan
  - 14 penyata kewangan diberi Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion).
- 10 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan masih dalam proses pengauditan.
- Tiga Agensi Persekutuan telah diberikan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) bagi tiga tahun berturut-turut, iaitu bagi tempoh 2020 hingga 2022.
- Sebanyak 11 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan beraudit tahun 2022 telah dibentangkan di Parlimen.
- Pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:
  - Ketua Agensi Persekutuan perlu mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh masa yang ditetapkan selaras dengan Akta 240;
  - pihak pengurusan Agensi Persekutuan hendaklah memastikan piawaian perakaunan dan peraturan kewangan dipatuhi supaya tatakelola agensi dilaksanakan dengan lebih teratur, cekap dan berkesan;

**Apa yang  
disyorkan  
Audit?**

- pihak pengurusan Agensi Persekutuan hendaklah mengambil tindakan proaktif dan berkesan bagi menyelesaikan semua isu yang dibangkitkan; dan
- Agensi Persekutuan menyertai latihan berkaitan pengurusan kewangan dan penyediaan penyata kewangan anjuran Akademi Audit Negara.

### Apa yang ditemui Audit?

#### BAHAGIAN II:

#### Analisis Penyata Kewangan Agensi Persekutuan

Analisis Audit bagi item penyata kewangan pada tahun 2022, antaranya seperti berikut:

##### • Lebihan atau Kurangan Semasa

- Sebanyak 80 Agensi Persekutuan mencatatkan lebihan semasa berjumlah RM54.677 bilion.
- Sebanyak 50 Agensi Persekutuan merekodkan kurangan semasa berjumlah RM4.570 bilion.

##### • Aset dan Liabiliti

- Kedudukan aset bagi 130 Agensi Persekutuan adalah berjumlah RM2,491.931 bilion. Jumlah ini telah meningkat RM82.861 bilion (3.4%) berbanding kedudukan aset tahun 2021 yang berjumlah RM2,409.070 bilion.
- Kedudukan liabiliti pada tahun 2022 bagi 130 Agensi Persekutuan berjumlah RM903.613 bilion meningkat RM119.896 bilion (15.3%) berbanding tahun 2021 berjumlah RM783.717 bilion.

##### • Geran Kerajaan Persekutuan

- Sebanyak 86 Agensi Persekutuan menerima geran mengurus dan pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM27.034 bilion manakala 83 Agensi Persekutuan mempunyai baki geran Pembangunan terkumpul yang belum dilunaskan berjumlah RM25.535 bilion.

- **Pinjaman**

- Sebanyak 24 Agensi Persekutuan mempunyai pinjaman berjumlah RM123.137 bilion. Sebanyak 10 Agensi Persekutuan mempunyai baki pinjaman tertinggi, iaitu RM122.388 bilion (99.4%) berbanding jumlah keseluruhan pinjaman iaitu RM123.137 bilion.

- **Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari**

- Sebanyak 53 Agensi Persekutuan mempunyai 234 syarikat subsidiari dengan nilai pelaburan berjumlah RM56.128 bilion. Sebanyak 212 syarikat subsidiari berstatus aktif manakala 22 syarikat subsidiari berstatus dorman.
- Sebanyak 121 syarikat subsidiari mencatatkan keuntungan manakala 91 syarikat subsidiari mengalami kerugian. Sebanyak 66 daripada 212 syarikat subsidiari telah membayar dividen berjumlah RM1.910 bilion kepada Agensi Persekutuan.

**Apa yang  
disyorkan  
Audit?**

- Pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:
  - mengambil langkah penjimatan perbelanjaan dan memperkasakan usaha penjanaan hasil bagi membolehkan lebihan hasil digunakan untuk melaksanakan fungsi dan objektifnya dengan berkesan;
  - memastikan keupayaan Agensi Persekutuan untuk meneruskan operasi berdasarkan usaha berterusan dan mengurangkan liabiliti yang bersifat komitmen kewangan;
  - memastikan geran dibelanjakan mengikut tujuan dalam tempoh yang ditetapkan. Agensi Persekutuan hendaklah merujuk kepada Kementerian berkaitan baki geran yang tidak bergerak agar penggunaan geran dapat dioptimumkan untuk kepentingan golongan sasar;
  - memastikan pinjaman yang dibuat oleh Agensi Persekutuan digunakan bagi melaksanakan aktiviti utama dan dijelaskan mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan; dan
  - mengkaji semula penubuhan syarikat subsidiari yang dorman, mengalami kerugian dan tidak memberikan pulangan

sewajarnya supaya tidak membebankan Agensi Persekutuan menanggung kos operasi syarikat subsidiari.

## Apa yang ditemui Audit?

### BAHAGIAN III: Fokus Utama Audit (Key Audit Area)

Fokus Utama Audit penyata kewangan tahun 2022 adalah berkaitan usaha berterusan (going concern) di Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) serta penjejasan nilai pelaburan dan pembayaran dividen kepada pencarum di Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

#### • Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Jabatan Perdana Menteri

Pada tahun 2022, FELDA mengalami kerugian bersih berjumlah RM1.005 bilion (2021: RM0.545 bilion). Baki pinjaman daripada institusi luar FELDA adalah berjumlah RM8.659 bilion (2021: RM8.809 bilion).

##### ▪ Kebergantungan kepada Geran Kerajaan

- Pada tahun 2022, FELDA telah menerima geran sejumlah RM0.214 bilion (2021: RM0.342 bilion). Pengurangan geran yang diterima oleh FELDA menjelaskan kelangsungan operasi kerana FELDA banyak bergantung kepada bantuan kewangan Kerajaan Persekutuan.

##### ▪ Komitmen Bayaran Balik Pinjaman

- Pinjaman di peringkat Kumpulan FELDA termasuk perjanjian Kemudahan Pembiayaan Tawarruq yang dimeterai oleh syarikat subsidiari FELDA, iaitu FIC Properties (FICP) dengan Govco Holdings Berhad (GovCo), sebuah syarikat di bawah Menteri Kewangan (Diperbadankan) berjumlah RM2.500 bilion.
- FICP gagal membayar balik pinjaman tersebut menyebabkan FELDA telah memeterai perjanjian baharu dengan GovCo sebagai jaminan korporat bagi Kemudahan Pembiayaan Tawarruq tersebut.

- **Kecairan Tunai**

- Pada tahun 2022, kedudukan Tunai dan Kesetaraan Tunai adalah berjumlah RM0.808 bilion. Bagaimanapun, FELDA mempunyai komitmen yang signifikan berjumlah RM1.561 bilion.
- Berdasarkan baki Tunai dan Kesetaraan Tunai sedia ada, FELDA tidak berupaya untuk memenuhi komitmen berjumlah RM0.753 bilion.

**Apa yang  
disyorkan  
Audit?**

- Pihak Audit mengesyorkan FELDA untuk:

- menentukan hala tuju yang jelas supaya dapat terus beroperasi dengan prestasi kewangan yang kukuh tanpa kebergantungan yang tinggi kepada bantuan dan sokongan kewangan Kerajaan Persekutuan; dan
- meningkatkan pemantauan terhadap operasi dan prestasi kewangan syarikat subsidiari bagi memastikan kelestarian syarikat dapat dikekalkan dan terus berdaya maju tanpa kebergantungan kepada agensi induk seterusnya berupaya untuk memberi pulangan yang baik kepada FELDA.

**Apa yang  
ditemui  
Audit?**

- **Perbadanan PR1MA Malaysia**

**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

(Dahulunya dikenali Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan)

- Pada tahun 2022, PR1MA mengalami kerugian bersih berjumlah RM0.257 bilion dan mempunyai liabiliti berjumlah RM5.746 bilion.

- **Bayaran Balik Pinjaman Nota Jangka Sederhana Islamik (Sukuk Tranche 2)**

- Baki pinjaman sukuk berjumlah RM3.792 bilion (2021: RM4.542 bilion) perlu dilunaskan hingga tahun 2027 termasuk Sukuk Tranche 2 berjumlah RM1.750 bilion yang akan matang pada bulan Oktober 2024.
- Berdasarkan kedudukan Tunai dan Kesetaraan Tunai PR1MA pada 31 Disember 2022 yang berjumlah RM0.428 bilion, PR1MA akan menghadapi kesukaran membuat bayaran balik Sukuk Tranche 2.

**Apa yang  
disyorkan  
Audit?**

- Pihak Audit mengesyorkan PR1MA untuk:
  - menilai semula strategi pembangunan projek perumahan dan komersial berdasarkan keperluan dan pasaran semasa bagi memastikan kebolehpasaran penjualan unit rumah dan komersial yang telah siap serta mencapai objektif pembangunan projek PR1MA; dan
  - memastikan unjuran aliran tunai daripada hasil penjualan unit rumah dan komersial boleh dicapai bagi membiayai aktiviti operasi dan pelunasan pembayaran Sukuk Tranche 2 berjumlah RM1.750 bilion yang akan matang pada bulan Oktober 2024.

**Apa yang  
ditemui  
Audit?**

**• Lembaga Tabung Angkatan Tentera  
Kementerian Pertahanan**

- Pada tahun 2022, pendapatan LTAT berjumlah RM0.653 bilion dengan peningkatan sejumlah RM0.139 bilion atau 27.0% (2021: RM0.514 bilion). Untung bersih LTAT turut meningkat berjumlah RM0.050 bilion (13.1%), daripada RM0.383 bilion pada tahun 2021 kepada RM0.433 bilion pada tahun 2022.
- LTAT telah membuat pembayaran dividen tahun 2022 kepada pencarum sejumlah RM0.476 bilion (5%) dengan menggunakan untung bersih dan keuntungan terkumpul.

**▪ Penjejasan Nilai Terhadap Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari**

- Pada tahun 2022, pelaburan LTAT dalam 13 syarikat subsidiari adalah berjumlah RM5.288 bilion. Termasuk dalam jumlah tersebut adalah kos pelaburan dalam Boustead Holdings Berhad berjumlah RM2.550 bilion dan Pharmaniaga Berhad berjumlah RM0.106 bilion.
- LTAT tidak membuat penjejasan nilai terhadap pelaburan dalam Boustead Holdings Berhad dan Pharmaniaga Berhad masing-masing berjumlah RM0.768 bilion dan RM0.044 bilion menyebabkan untung bersih dan pelaburan dalam syarikat subsidiari terlebih nyata berjumlah RM0.812 bilion.

- Apa yang disyorkan Audit?**
- **Rizab LTAT Berbaki Negatif**
    - Rizab LTAT berbaki negatif sejak tahun 2020, iaitu RM0.376 bilion pada tahun 2020, RM0.285 bilion pada tahun 2021 dan RM0.338 bilion pada tahun 2022.
    - Sehingga 31 Disember 2022, masih terdapat 41 portfolio saham lama belum diambil tindakan dengan kerugian tidak nyata berjumlah RM0.662 bilion yang menyumbang kepada rizab berbaki negatif.
  - **Pembayaran Dividen kepada Pencarum**
    - Pada tahun 2022, LTAT telah menjual saham Perumahan Kinrara Berhad dan Tanah Sutera Development Sdn. Bhd. bernilai RM0.043 bilion kepada Perbadanan Perwira Harta Sdn. Bhd. (PPHSB) dengan balasan saham PPHSB yang bernilai RM0.232 bilion.
    - LTAT telah merekodkan keuntungan bukan tunai sebanyak RM0.189 bilion yang telah digunakan sebagai asas untuk pembayaran dividen tahun 2022.
  - Pihak Audit mengesyorkan LTAT untuk:
    - menyemak dan menstruktur semula strategi pelaburan dengan mempelbagaikan pelaburan dan tidak menumpukan pelaburan dalam syarikat subsidiari bagi mengurangkan risiko pelaburan serta kebergantungan pendapatan;
    - mempertingkatkan tatakelola pengurusan pelaburan dengan menambah baik polisi pelaburan supaya saham yang mengalami kerugian yang berpanjangan dapat ditangani; dan
    - memastikan asas pengisytiharan dividen berdasarkan keuntungan nyata supaya tidak menjelaskan keupayaan membayar kepada pencarum yang layak pada masa hadapan.